

09/10/1997

Putrajaya jambatan IT

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan bandar raya Putrajaya yang akan membawa negara ke zaman maklumat, sekali gus menguatkan tekad rakyat bekerja lebih keras serta bersatu bagi mengatasi masalah ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Menurut Perdana Menteri, pelancaran itu memperlihatkan keazaman rakyat mengharungi kerumitan ekonomi untuk memastikan projek besar itu menjadi kenyataan dan mencapai kejayaan besar.

"Tekad ini tidak terbatas kepada pihak yang terbabit dalam pembangunan Putrajaya, malah ia dapat dilihat di mana saja oleh mereka yang berbangga menjadi rakyat Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, tekad yang lebih kuat itu perlu dipupuk untuk menempuh kejayaan, satu ciri yang berjaya diterapkan sejak 40 tahun lalu sehingga Malaysia kini berupaya berdiri tegap.

Berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, projek Putrajaya itu penting kerana ia bukan saja menjadi pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan, tetapi juga menjawab persoalan sama ada ia akan dilancarkan.

"Pelancaran bandar raya ini memberikan mesej yang jelas bahawa bukan semua projek di Malaysia dibekukan, apa lagi pusat pentadbiran baru Kerajaan Pusat," katanya.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Pengerusi Putrajaya Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Rashid Hussain; dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Projek Putrajaya yang berjalan mengikut jadual dikendalikan oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan rakan kongsi membabitkan MRCB, Peremba, SP Setia, Hong Leong Properties dan Malaysian Plantations.

Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan baru berharga RM24 bilion dan dirancang menjadi bandar taman bestari, kira-kira 25 kilometer dari sini, terletak dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang turut menempatkan Cyberjaya, bandar raya pintar pertama di dunia.

Bandar itu mengambil nama sempena Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj. Dengan keluasan 4,581 hektar, ia mengandungi 20 kawasan untuk urusan kerajaan, sivik dan kebudayaan, komersil, sukan dan rekreasi serta pembangunan bercampur.

Jabatan Perdana Menteri dan kediaman rasmi Perdana Menteri dibina dalam fasa pertama dan dijangka siap Oktober tahun depan.

Dr Mahathir berkata, Putrajaya sebagai bandar raya alaf akan datang membentuk sebuah bandaraya yang unik kerana dibina dengan semangat Malaysia dan untuk semua rakyat Malaysia.

Selain itu, menurutnya, melalui Putrajaya, dunia akan dapat melihat kejayaan melalui gabungan manusia, alam dan teknologi.

Menurut Perdana Menteri, Putrajaya akan menampilkan keserasian dan suasana berharmoni antara manusia, alam semula jadi dan teknologi, di samping menggabungkan perancangan bandar, lanskap dan pemeliharaan ekobudaya paling baik.

"Malah, Putrajaya juga mempunyai kelebihan kerana ia akan dibina tanpa mewarisi sebarang teknologi dan prasarana lama," katanya.

Beliau kemudian menjelaskan bahawa bandar raya itu akan mempunyai rangkaian optik gentian bagi lebar jalur setinggi 2.5 gigabit sesaat dan 10 gigabit sesaat untuk menyokong sebarang teknologi semasa.

"Dengan ini, kita akan dapat pastikan bahawa kita tidak meletakkan Malaysia dalam perahu yang bergerak perlahan, terutama dari segi

pelaksanaan Kerajaan Elektronik.

"Sebaliknya, Malaysia akan berada di laluan pantas untuk membolehkan negara merebut peluang yang dibawa oleh zaman maklumat," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan keyakinannya yang Putrajaya akan bangkit menjadi bandaraya yang memudahkan urusan perniagaan dan kegiatan ekonomi serta menyediakan kehidupan bandar berkualiti.

Jika Putrajaya wujud, katanya, sekurang-kurangnya 570,000 orang akan berada di kawasan itu dengan 300,000 daripadanya, sebagai penghuni.

(END)